

Tun Haniff Dipersoal Ketua Panel Siasat Bersih 3.0
mStar Online
Mei 10, 2012
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

PETALING JAYA: Pelantikan Tun Haniff Omar untuk mengetuai Panel Penasihat Bebas bagi menyiasat insiden keganasan semasa perhimpunan Bersih 3.0 baru-baru ini mendapat tentangan pembangkang yang mempertikaikan mengenai kredibiliti bekas Ketua Polis Negara itu.

Ketua Penerangan PAS Pusat, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, pelantikan Haniff mengetuai panel tersebut dikhuatiri gagal mencari gambaran sebenar secara menyeluruh di sebalik pelbagai hujah dan dakwaan oleh banyak pihak mengenai kejadian 28 April lalu.

Menurut beliau latar belakang Haniff sebagai bekas Ketua Polis Negara boleh mempengaruhi hasil siasatan kerana pertikaian yang dibangkitkan turut membabitkan institusi keselamatan yang pernah diketuainya sebelum ini.

"Kami tidak melihat berdasarkan isu peribadi beliau. Tapi yang dipertikaikan ialah mengenai latar belakang beliau sebagai bekas Ketua Polis Negara.

"Perkara ini pastinya menimbulkan kegusaran di kalangan rakyat yang mengharapkan satu siasatan yang telus dapat dikendalikan seperti yang dijanjikan kerajaan," katanya kepada *mStar Online* di sini, Khamis.

Selain Haniff, turut menganggotai panel itu ialah bekas Ketua Hakim Borneo, Tan Sri Steve Sim; Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkrif, Datuk Husammuddin Yaacob; Penasihat Undang-Undang Sin Chiew, Liew Peng Chuen; Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat Petronas, Datuk Medan Abdullah; dan pakar Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Ruzmi Ismail.

Penubuhan panel tersebut merupakan tambahan kepada proses siasatan yang dijalankan pihak polis terhadap perhimpunan Bersih 3.0 yang mencetuskan keganasan supaya dapat memberi kepuasan kepada semua pihak.

Mengulas lanjut Tuan Ibrahim berkata, Haniff juga dilihat berat sebelah kerana beliau sebelum ini pernah mengeluarkan kenyataan yang mendakwa rusuhan yang berlaku ketika Bersih 3.0 mungkin dicituskan oleh individu yang pernah menyokong parti dan ideologi komunis pada era 70-an.

"Awal-awal lagi beliau sudah mengeluarkan kenyataan yang berat sebelah termasuk mendakwa sesetengah penyokong Bersih 3.0 mempunyai niat untuk menanam perasaan benci rakyat kepada polis.

"Jadi kami khuatir siasatan panel ini akan menyebelahi satu pihak sahaja tanpa memberi maklumat dan gambaran yang jelas kepada rakyat," katanya.

Sementara itu Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Nurul Izzah Anwar berkata kredibiliti panel bebas berkenaan juga dilihat tercalar apabila kerajaan meminggirkan penglibatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

"Tindakan kerajaan meminggirkan peranan Suhakam yang sudah menyiapkan rekomendasi mengenai insiden Bersih 2.0 pada Julai tahun lalu menyahkan kredibiliti panel.

"Ia juga satu tindakan yang tidak boleh diterima serta memalukan proses timbang tara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/5/10/mstar_berita/20120510124925&sec=mstar_berita